

# Jangan kaitkan radar percuma dengan rasuah

SUBANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap keputusan firma Perancis menggantikan secara percuma radar yang musnah dalam kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) Kuala Lumpur Sabtu lalu, tidak dikaitkan dengan rasuah.

Perdana Menteri berkata, kerajaan amat berterima kasih kepada syarikat pengeluar itu, Thomson-CSF kerana bersetuju memasang radar baru secara percuma bagi menggantikan radar yang musnah itu.

"Saya harus menyatakan

rasa terima kasih kerana firma itu menawarkan radar itu secara percuma.

"Kerajaan berharap mana-mana pihak tidak mengaitkan tawaran itu dengan unsur rasuah, tetapi adalah baik jika ada pihak lain juga sanggup memberinya secara percuma," katanya.

Beliau menjawab soalan pemberita demikian selepas menyaksikan pertunjukan aerobatik oleh enam pesawat F16 Skuadron Thunderbirds Tentera Udara Amerika Syarikat (USAF) di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di

sini hari ini.

Semalam, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata Thomson-CSF memberi jaminan itu kepada DCA petang kelmarin dan radar yang baru akan diterbangkan dari Perancis pada 9 September.

Menurutnya, jika semua urusan selesai, radar di Bukit Subang dapat beroperasi pada 11 atau 12 September dan pengendalian pesawat di LTAB Subang akan pulih sepenuhnya sebelum pertengahan bulan depan.

Rabu lalu, Dr Ling berkata Kabinet memutuskan untuk

mengeluarkan tender segera bagi sistem radar mudah alih sebagai langkah sementara sehingga sistem yang rosak itu dibaiki. Pembelian akan diuruskan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan Kementerian Kewangan.

Kebakaran di bilik radar Bukit Subang, Sabtu lalu yang memusnahkan radar bernilai RM16.5 juta itu ialah kali ketiga di LTAB dalam tempoh dua tahun. Ia melumpuhkan sistem penerbangan domestik dan anta-

**LIHAT MUKA 2**

# Jangan kaitkan radar dengan rasuah

DARI MUKA 1

rabangsa dengan semua pesawat yang mendarat dan berlepas dikawal secara manual.

Perdana Menteri juga mengarahkan satu laporan lengkap disediakan berhubung kebakaran itu.

Menurutnya, kejadian yang menjejaskan operasi di LTAB itu tidak boleh disembunyikan begitu saja.

"Walau apapun (andai-an berhubung kejadian itu) kita kena buat laporan. Kita (kerajaan) tidak boleh nak sembunyi apa yang disiasat," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Pengarah DCA, Datuk Zaludin Sulong kelmarin bahawa laporan media massa berhubung kebakaran itu menjejaskan imej negara.

Mengenai sikap pihak tertentu terhadap aspek keselamatan berhubung kebakaran itu, Dr Mahathir berkata, proses membentuk perkhidmatan birokrat cemerlang mengambil masa panjang kerana manusia tidak boleh berubah dengan mudah.

"Jangka masa lebih 10 tahun sejak Dasar Pandang Timur dilancarkan untuk menyemai etika kerja yang positif bukan jangka masa yang panjang," katanya.

Mengenai petisyen DAP yang meminta Dr Ling meletakkan jawatan berhubung kebakaran itu, Dr Mahathir berkata: "Mudahlah berkata begitu sebab dia (pembangkang) tidak pernah bertanggungjawab."

Turut menyaksikan pertunjukan itu ialah Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia, John S Wolf dan Panglima TUDM, Leftenan Jeneral Datuk Seri Abdul Ghani Abdul Aziz.

Pertunjukan aerobatik Thunderbirds itu sepatutnya diadakan sejam tetapi dipendekkan kepada 25 minit kerana cuaca berjerembu.